BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 04/10/11 **EMBARGO: Untuk siaran segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mac 2010
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pinjaman sistem perbankan kasar dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul lebih tinggi pada bulan Mac, dengan semua penunjuk pinjaman utama meningkat dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah

- Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar tahunan 1.3% pada bulan Mac

- Kadar pinjaman dan kadar deposit tetap purata bank perdagangan meningkat berikutan kenaikan 25 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR)

- Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.9% dan 13.2%.

EMBARGO: Untuk siaran segera

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Mac 2010

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada RM68.8 bilion pada bulan Mac. Semua penunjuk pinjaman utama sektor perniagaan dan sektor isi rumah lebih baik berbanding dengan bulan sebelumnya.

Susulan kenaikan OPR daripada 2.00% kepada 2.25% pada 4 Mac, kadar antara bank semalaman purata diniagakan lebih tinggi dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas purata dan kadar pinjaman purata turut dinaikkan. Seiring dengan itu, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata juga meningkat.

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 6.3% antara 1 Mac hingga 29 April 2010. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (11.7%), euro (8.5%) dan paun sterling (7.7%). Berbanding dengan mata wang serantau (kecuali renmimbi China), ringgit menambah nilai dalam julat 2.2% hingga 4%.

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar tahunan 1.3% pada bulan Mac (Februari: 1.2%). Peningkatan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*, dan kenaikan harga yang perlahan dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*. Walau bagaimanapun, kenaikan ini diimbangi oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *pengangkutan* dan kategori *pelbagai barang dan perkhidmatan*.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.7%. Peningkatan M3 disokong oleh aliran masuk modal dan pengeluaran kredit sistem perbankan kepada sektor swasta yang lebih tinggi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.9% dan 13.2%. Paras pinjaman tak berbayar termasuk pinjaman terjejas terus stabil pada 1.8% daripada pinjaman bersih.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Kadar faedah lebih tinggi susulan kenaikan OPR

Pada 1 hingga 4 Mac 2010, kadar antara bank semalaman purata menjadi lebih rendah dan hampir mencecah kadar terendah koridor bagi Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Ini disebabkan terutamanya oleh minat yang lebih tinggi yang ditunjukkan oleh peserta pasaran terhadap simpanan semalaman dengan Bank sebelum mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) pada bulan Mac. Susulan keputusan MPC untuk menaikkan OPR daripada 2.00% kepada 2.25% pada 4 Mac, kadar antara bank dinaikkan selaras dengan kenaikan tersebut. Pada tempoh 5 Mac hingga 29 April 2010, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman menjadi lebih tinggi dalam julat 2.11% - 2.24%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat.

Kadar runcit bank-bank turut mengalami pelarasan susulan kenaikan OPR. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata meningkat kepada 5.76% pada 15 April (akhir Februari: 5.51%). Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) juga lebih tinggi pada 4.96% pada akhir bulan Mac (4.85% pada bulan Januari dan Februari).

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan juga meningkat pada bulan Mac. Pada 15 April, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat yang lebih besar, iaitu 2.25% hingga 2.65%.



Kadar antara bank semalaman purata bergerak lebih tinggi susulan kenaikan OPR pada 4 Mac

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my



Kadar antara bank lain juga meningkat susulan kenaikan OPR



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan



Kadar pinjaman bank perdagangan pada bulan Mac turut dinaikkan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit menurun pada bulan Mac, memandangkan penambahan deposit mengatasi pertumbuhan pinjaman

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 10	2.00	2.02	2.03	2.04	2.50
Mac 10	2.25	2.28	2.31	2.33	2.65
15 Apr 10	2.25	2.28	2.31	2.33	2.65

Susulan kenaikan OPR, kadar FD purata juga meningkat pada bulan Mac

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan



Hasilnya, kadar deposit tetap benar lebih tinggi

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Ringgit bertambah kukuh

Selepas mengalami trend penyusutan nilai pada sebahagian besar tahun 2008 dan 2009 berikutan pembayaran balik hutang global selepas berlakunya krisis kewangan, ringgit bersama-sama mata wang serantau lain telah menambah nilai dalam tempoh kebelakangan ini. Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 6.3% antara 1 Mac hingga 29 April 2010 disebabkan oleh sentimen pelabur yang menggalakkan terhadap pasaran kewangan serantau berikutan tanda-tanda pemulihan yang semakin jelas dalam ekonomi serantau dan global. Pada tempoh yang sama, ringgit juga menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (11.7%), euro (8.5%) dan paun sterling (7.7%). Yen menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang ekoran sikap optimis terhadap pemulihan ekonomi global yang menyebabkan peningkatan aktiviti *carry trade* yen. Berbanding dengan mata wang serantau (kecuali renmimbi China), ringgit menambah nilai dalam julat 2.2% hingga 4%.



Ringgit menjadi lebih kukuh berbanding dengan mata wang utama



Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 09	Feb 10	Mac 10	29 Apr 10	Akhir Dis 09 - 29 Apr 10	Akhir Feb 10 - 29 Apr 10
Dolar AS	3.4245	3.4090	3.2730	3.2055	6.8	6.3
Euro	4.9191	4.5943	4.3850	4.2357	16.1	8.5
Paun sterling	5.5001	5.2359	4.9326	4.8610	13.1	7.7
100 yen Jepun	3.7076	3.8047	3.5017	3.4152	8.6	11.4
Dolar Singapura	2.4401	2.4149	2.3354	2.3363	4.4	3.4
100 baht Thailand	10.271	10.318	10.111	9.9165	3.6	4.0
100 peso Filipina	7.4196	7.3652	7.2236	7.1856	3.3	2.5
100 rupiah Indonesia	0.0364	0.0365	0.0359	0.0355	2.6	2.7
100 won Korea	0.2937	0.2937	0.2889	0.2875	2.2	2.2
Renminbi China	0.5016	0.4993	0.4795	0.4696	6.8	6.3

Inflasi harga pengguna kekal rendah pada bulan Mac

Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatat peningkatan kecil pada kadar tahunan 1.3% pada bulan Mac (Februari: 1.2%). Peningkatan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* yang meningkat kepada 1.7% pada bulan Mac (Februari: 1.3%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam subkategori *ikan dan makanan laut, daging* dan *sayur-sayuran*. Harga dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* juga naik perlahan sebanyak 1.0% pada bulan Mac (Februari: 0.9%). Peningkatan ini diimbangi oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori *pengangkutan* (Mac: 0.7%, Februari: 0.8%) dan kategori *pelbagai barang dan perkhidmatan* (Mac: 2.4%, Februari: 2.5%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my





Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Harga pengeluar meningkat pada bulan Februari

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 5.9% pada bulan Februari (Januari: 4.2%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih tinggi sebanyak 16.8% bagi komponen berkaitan komoditi pada bulan itu (Januari: 12.0%). Dalam komponen IHPR bukan berkaitan komoditi, harga meningkat sebanyak 3.0% (Januari: 2.1%). Pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat sebanyak 0.1% (Januari: 0.3%).

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR tempatan terus meningkat sebanyak 7.9% (Januari: 5.1%). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya harga yang lebih tinggi dalam *bahan api galian, pelincir*; *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran* dan *bahan kimia*. Walau bagaimanapun, harga bagi komponen IHPR diimport meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.1% (Januari: 2.4%)



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

M3 meningkat pada bulan Mac

Pada bulan Mac, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.7%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM10.7 bilion. Peningkatan ini disokong oleh aliran masuk modal. Walau bagaimanapun, kesan pengembangan bersih aliran masuk asing kepada wang secara luas telah dikurangkan berikutan penurunan tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan aliran masuk lain. Penurunan dalam *tuntutan bersih ke atas Kerajaan* dan *pengaruh lain* mencerminkan sebahagian daripada aliran masuk pada bulan itu yang digunakan untuk membeli sekuriti Bank Negara Malaysia dan Kerajaan milik sistem perbankan. Peningkatan M3 juga disokong oleh pengeluaran kredit sistem perbankan kepada sektor swasta yang lebih tinggi.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 09	**Jan 10**	**Feb 10**	**Mac 10**
M3	16.8	3.7	0.7	10.7
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	6.8	-0.3	0.4	-2.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	10.4	6.0	6.8	4.0
Pinjaman	*9.8*	*6.9*	*8.9*	*4.2*
Sekuriti	*0.7*	*-0.8*	*-2.0*	*-0.2*
Aset luar bersih *	2.4	-0.3	-4.9	16.5
Pengaruh lain	-2.8	-1.7	-1.6	-7.9

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Mac

Jumlah deposit dalam sistem perbankan pada bulan Mac meningkat sebanyak RM20 bilion pada asas bulanan (Februari: -RM9.8 bilion). Pada asas tahunan, deposit meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 8.4% (Februari: 7.4%). Semua kumpulan pelanggan mengalami peningkatan deposit kecuali Kerajaan Persekutuan. Mengikut jenis, semua deposit meningkat pada bulan tersebut kecuali deposit permintaan dan deposit tabungan.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 09	**Jan 10**	**Feb 10**	**Mac 10**
Kerajaan Persekutuan	-482	1,128	-1,389	-2,479
Kerajaan Negeri	-162	140	1,634	1,538
Badan Berkanun [1]	-292	-169	549	1,121
Institusi Kewangan	15,149	-11,124	-2,970	12,047
antaranya:				
Institusi Perbankan	*4,635*	*-6,620*	*-7,385*	*6,496*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*8,505*	*-4,669*	*4,341*	*4,552*
Perusahaan Perniagaan	-945	2,729	-10,564	4,531
Individu	5,220	2,341	1,294	2,586
Lain-lain [2]	1,364	643	1,622	677
Jumlah	19,851	-4,312	-9,825	20,022

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk entiti tempatan lain dan entiti bukan bank asing

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 09	**Jan 10**	**Feb 10**	**Mac 10**
Deposit tetap	-97	982	810	-866
NID	3,276	-9,343	-4,957	4,193
Deposit permintaan	-336	1,059	946	-3,071
Deposit tabungan	1,912	468	-167	417
Perjanjian beli balik (Repo)	480	829	-640	644
Deposit mata wang asing	2,453	55	318	4,404
Deposit SPI [1]	5,182	2,472	-1,873	2,168
Lain-lain [2]	6,981	-834	-4,263	12,131
Jumlah	19,851	-4,312	-9,825	20,022

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Deposit lain merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Aktiviti pembiayaan bertambah baik pada bulan Mac

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada RM68.8 bilion pada bulan Mac (Februari: RM64.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada akhir bulan Mac (Februari: 9.9%).

Pembiayaan kasar terus meningkat



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Semua penunjuk pinjaman meningkat pada bulan Mac…



Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Feb-10	Mac-10	J-M 10	Feb-10	Mac-10	J-M 10
Jumlah						
Permohonan pinjaman	32.2	51.9	130.0	-5.0	23.0	20.8
Kelulusan pinjaman	19.8	26.9	70.0	11.8	12.6	20.6
Pengeluaran pinjaman	56.4	61.8	174.7	29.2	11.4	17.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	11.6	3.7	22.4	10.0	9.8	9.8
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	16.0	21.8	60.0	-8.9	16.7	15.3
Kelulusan pinjaman	8.6	11.6	29.2	7.4	4.1	11.7
Pengeluaran pinjaman	38.9	41.4	117.3	32.9	6.7	16.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.5	1.3	4.7	4.2	4.7	4.7
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	7.5	10.9	27.9	13.0	38.7	38.1
Kelulusan pinjaman	3.1	5.0	12.9	3.6	45.5	45.7
Pengeluaran pinjaman	11.1	12.8	35.5	-1.3	11.2	2.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/ 3/]	0.7	1.2	2.5	2.1	3.2	3.2
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	16.1	30.1	69.9	-0.7	28.0	26.0
Kelulusan pinjaman	11.2	15.3	40.8	15.4	20.1	27.8
Pengeluaran pinjaman	17.5	20.4	57.4	21.7	22.2	21.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.6	4.1	14.1	11.2	11.8	11.8

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Peningkatan kecil dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan meningkat sebanyak 7.2% pada asas tahunan pada akhir Mac 2010.

…dalam sektor perniagaan dan sektor isi rumah



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh

Pada bulan Mac, semua penunjuk pinjaman utama meningkat berbanding dengan paras pada bulan sebelumnya. Permohonan pinjaman daripada sektor isi rumah khususnya meningkat dengan ketara, mencerminkan terutamanya permohonan pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman dan juga kereta penumpang. Pengeluaran pinjaman juga lebih tinggi, menyebabkan pinjaman sektor isi rumah terkumpul terus berkembang pada kadar tahunan 11.8% pada akhir bulan Mac (Februari: 11.2%).

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Permintaan terhadap pinjaman daripada sektor perniagaan juga lebih kukuh, dengan permohonan yang lebih tinggi dicatat dalam semua sektor ekonomi utama. Sementara itu, peningkatan pengeluaran pinjaman yang ketara adalah terutamanya untuk membiayai keperluan modal kerja. Hasilnya, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 4.7% pada akhir bulan Mac (Februari: 4.2%).

Perolehan dana dalam pasaran modal meningkat

Perolehan dana kasar dalam pasaran modal meningkat kepada RM14.2 bilion pada bulan Mac (Februari: RM11.4 bilion). Aktiviti pemerolehan dana turut didorong oleh sektor swasta dan sektor awam. Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh berjumlah RM7.2 bilion. Sebahagian besar dana yang diperoleh adalah melalui terbitan hak yang besar oleh sebuah syarikat dalam industri pengangkutan dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang besar oleh sebuah institusi kewangan. Dana yang diperoleh adalah terutamanya untuk membiayai aktiviti baharu dan modal kerja (96.2% daripada terbitan PDS baharu). Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM7.0 bilion diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia 7.5 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan 5.5 tahun. Selepas membuat penyelarasan yang lebih besar bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM3.5 bilion.

Dana Bersih yang diperoleh daripada Pasaran Modal



1/ Termasuk Bon Cagamas

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KLCI meningkat selanjutnya

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,320.6 mata pada bulan Mac (akhir Februari: 1,270.8) sejajar dengan pasaran serantau. Peningkatan KLCI didorong terutamanya oleh saham kewangan disebabkan oleh sentimen positif terhadap prospek pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh. Asas-asas yang kukuh juga menarik minat penyertaan asing dalam pasaran domestik. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.06 trilion (sejak akhir Februari: +4.5%), manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 968.3 juta unit (Februari: 740.1 juta unit).

KLCI lebih tinggi pada bulan Mac



Pada 29 Mac, FBM KLCI terus meningkat kepada 1,335.9 (sejak akhir Mac: +1.2%) dan permodalan pasaran juga lebih tinggi pada RM1.07 trilion.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM313.1 bilion (bersamaan dengan USD95.7 bilion) pada 15 April 2010. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih
(pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Permodalan sistem perbankan kukuh dan paras pinjaman tak berbayar stabil

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 14.9% dan 13.2%. Modal asas adalah lebih rendah sedikit berikutan pembayaran dividen oleh beberapa buah bank. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) termasuk pinjaman terjejas terus stabil pada 1.8% daripada pinjaman bersih. Perlindungan kerugian pinjaman terus tinggi, iaitu kira-kira 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan [1]

	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jan 10	Feb 10	Mar 10
Modal (%) [2]										
Nisbah modal teras	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	13.8	13.5	13.5	13.2
RWCR	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	15.4	15.0	15.1	14.9
NPL bersih [3]										
% jumlah pinjaman bersih	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	1.8	1.8	1.9	1.8
Jumlah (RM juta)	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	13,788	13,653	15,040	14,487
Peruntukan am [4]**/Jumlah pinjaman bersih** [3] **(%)**	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.6	1.7	1.7	1.7

[1] Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
[2] Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II
[3] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank.
[4] Bagi bank yang telah menggunakan FRS139, mulai bulan Januari, angka mencerminkan peruntukan terjejas kolektif.

Penunjuk Kekukuhan Modal



Permodalan sistem perbankan terus kukuh...

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan FRS 139. Penggunaan FRS139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Bagi bank yang telah menggunakan FRS139, mulai bulan Januari, angka mencerminkan peruntukan terjejas kolektif.

...manakala paras NPL terus stabil

Bank Negara Malaysia
30 April 2010

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 10		Feb 10		Mac 10	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		58.5	-20.6	59.7	-1.3	56.5	4.5
M1		203.5	10.7	206.6	15.3	201.2	12.0
M2		991.7	8.2	991.7	8.4	1,003.2	8.8
M3		1,020.9	7.9	1,021.6	8.2	1,032.3	8.7
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		1,058.6	8.4	1,048.8	7.4	1,068.8	8.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		790.6	8.6	802.2	10.0	805.9	9.8
Nisbah pinjaman-deposit (%) [1]		78.4		79.7		79.2	
Nisbah pembiayaan-deposit (%) [1 & 2]		85.0		86.2		85.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		45.9	45.6	32.2	-5.0	51.9	23.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		23.4	41.5	19.8	11.8	26.9	12.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		56.5	15.2	56.4	29.2	61.8	11.4
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		50.0	4.9	46.8	11.7	58.0	19.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		15.0		15.1		14.9	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		1.8		1.9		1.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		332.2		331.8		311.6	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		97.0		96.8		95.3	
Bilangan bulan import tertangguh		9.6		9.4		8.8	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.25	
Antara bank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		2.18 [2.14]	
	Seminggu	2.02 [2.02]		2.02 [2.02]		2.26 [2.23]	
	1 bulan	2.08 [2.08]		2.10 [2.07]		2.35 [2.32]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.00		2.00		2.25	
	3 bulan	2.03		2.03		2.28	
BLR bank perdagangan		5.51		5.51		5.76	
ALR bank perdagangan		4.85		4.85		4.96	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		113.2	1.3	113.2	1.2	113.2	1.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2005=100)		115.8	4.2	115.9	5.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.4130		3.4090		3.2730	
Euro		4.7625		4.5943		4.3850	
Paun Sterling		5.5106		5.2359		4.9326	
100 Yen Jepun		3.7943		3.8047		3.5017	
Dolar Singapura		2.4299		2.4149		2.3354	
100 Baht Thailand		10.3034		10.3178		10.111	
100 Peso Filipina		7.3162		7.3652		7.2236	
100 Rupiah Indonesia		0.0365		0.0365		0.0359	
100 Won Korea		0.2955		0.2937		0.2889	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	8.5		3.5		3.5	
	swasta	-1.0		2.4		5.6	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,259.2		1,270.8		1,320.6	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		1,001.7		1,015.7		1,061.1	

[1] Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

[2] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my